

PERKATAAN BERIMBUHAN (Teks)

Latihan 5

ARAHAN: Pilih perkataan berimbuhan yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam item-item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

Aku dan abangku sedang berjalan pulang dari sekolah. Kami tiba di __1__ jalan di St 32 dan Avenue 3. Kami __2__ apabila mendengar bunyi yang kuat. Bunyi itu seperti sebutir bom telah __3__.	1 (1) bersimpang (2) menyimpang (3) persimpangan (4) simpangan
Aku menoleh ke arah bunyi itu. Sebuah teksi telah __4__ belakang sebuah bas yang sedang membelok. Teksi yang berwarna kuning itu __5__ di tepi jalan. Beberapa orang __6__ pemandu teksi itu keluar daripada teksinya yang terbalik itu.	2 (1) dikejutkan (2) kejutan (3) mengejutkan (4) terkejut
Aku dan abangku bergegas __7__ ke tempat kejadian itu. Pemandu teksi yang telah __8__ dikeluarkan dari teksinya itu sedang mengerang kesakitan. Beberapa orang pemuda sedang __9__ bantuan. Pemandu teksi itu __10__ oleh pemuda-pemuda itu di atas rumput di tepi jalan itu. Pemandu dan penumpangnya bas itu tidak cedera.	3 (1) diletupkan (2) letupan (3) meletup (4) peletup
Sebuah kereta polis telah tiba untuk menangani keadaan di situ.	4 (1) berempuh (2) dirempuh (3) merempuh (4) rempuhan
	5 (1) berbalik (2) dibalikkan (3) membalikkan (4) terbalik
	6 (1) bantuan (2) dibantu (3) membantu (4) pembantu
	7 (1) bertujuan (2) ditujukan (3) menuju (4) tujuan
	8 (1) berjaya (2) dijayakan (3) kejayaan (4) menjayakan
	9 (1) diberi (2) diberikan (3) memberi (4) pemberian
	10 (1) berbaring (2) dibaringkan (3) membaringkan (4) terbaring